



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 27 JUN 2022

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	MAHA 2022 DI SELANGOR DIJANGKA TERIMA SAMBUTAN MENGGALAKKAN, NEWS, UTUSAN BORNEO SARAWAK-15 SUKAN REKREASI ERATKAN WARGA MAFI, NASIONAL, SH-29 50 PESERTA JAYAKAN PROGRAM REAKREASI MAFI, NEGARA, KOSMO-17	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)*
4.	SAMPLE MUSANG KING BERULAT DIANALISI, NASIONAL, BH-18	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
5.	TALAPIA MATI TOMPOK MERAH, LOKAL, HM-23	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6. 7. 8. 9.	"ANUGERAH JADI PEMANGKIN SEMANGAT", NEGARA, KOSMO-12 50 TAHUN MADA, WARGA KERJA TULANG BELAKANG KEJAYAAN, DALAM NEGERI, UM-12 MADA SASAR LATIHAN 2,522 USAHAWAN, SH-ONLINE 50 TAHUN MADA, WARGA KERJA TULANG BELAKANG KEJAYAAN, UM-ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
10. 11.	KARTEL: LKIM LANTIK SYARIKAT BELI IKAN UNTUK SIMPANAN STOK SEJUK BEKU, NASIONAL, SH-9 LKIM PERLU JADI "KARTEL" BELI IKAN SKALA BESAR, HM-ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
12. 13. 14. 15. 16. 17. 18. 19. 20. 21. 22. 23.	KERJASAMA PENDUDUK, PBT REALISASI PERTANIAN BANDAR, KOMENTAR, BH-11 CAN CORN PRODUCTION PROGRAMME SUCCEED THIS TIME? NEWS, NST-10 3,164 NELAYAN KEKAL DAPAT ELAUN RM 300, NEGARA, KOSMO-17 DURIAN DAMAK KALAHKAN MUSANG KING, NEGARA, KOSMO-14 PERTANIAN LESTARI UTM BERI MANFAAT, K2, KOSMO-29 REZEKI TUKUN 18 TAN, LOKAL, HM-9 STOK PENIMBAL MAKANAN PERLU MINIMUM 65 PERATUS, NASIONAL, SH-6 90,000 NELAYAN DITINDAS, MUKA DEPAN & DALAM NEGERI, UM-1&2 RUMPUT NAPIER TAMBAH PENDAPATAN, DALAM NEGERI, UM-32 UBI GADONG GANTI TEPUNG GANDUM, FORUM, UM-18 PM BUAT TINJAUAN MENGEJUT HARGA BARANG, HM-ONLINE MAK TON TEMBUSI PASARAN GLOBAL, NIAGA, KOSMO-38	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



27 JUN, 2022

MAHA 2022 di Selangor dijangka terima sambutan menggalakkan

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 3

MAHA 2022 di Selangor dijangka terima sambutan menggalakkan

MELAKA: Penganjuran Ekspo Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 di Selangor yang bermula 4 Ogos depan dijangka mendapat sambutan menggalakkan daripada pengunjung.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, ini kerana pengunjung mungkin teruja untuk ke ekspo itu memandangkan sudah empat tahun ia tidak diadakan susulan beberapa faktor termasuk penularan COVID-19.

"Jadi kali ini, saya rasa penganjurannya akan mendapat sambutan yang cukup baik," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Jualan Terus Dari Ladang Wilayah Selatan di sini kelmarin.

Turut hadir Exco Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Industri Asas Tani negeri Datuk Abdul Razak Abdul Rahman serta



GIMIK PERASMIAN: Ahmad (tengah) ketika merasmikan Program Jualan Terus Dari Ladang Wilayah Selatan di Melaka, kelmarin. Turut hadir Abdul Razak (dua kiri). — Gambar Bernama

Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Melaka Hairudin

Yunos.

Ahmad berkata MAHA 2022, yang berlangsung di

Taman Ekspo Pertanian Malaysia, Sedang sehingga 14 Ogos ini, akan disertai kira-kira



27 JUN, 2022

MAHA 2022 di Selangor dijangka terima sambutan menggalakkan

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 3



SOKONG PRODUK TEMPATAN: Ahmad (tiga kanan) melawat gerai pameran dan jualan selepas merasmikan Program Jualan Terus Dari Ladang Wilayah Selatan di Melaka, kelmarin. Turut hadir Abdul Razak (kanan). Gambar Bernama

250 usahawan sektoran tanaman, perikanan dan penternakan dari seluruh negara.

Beliau juga berkata ekspoziti itu menyasarkan untuk menarik kehadiran 100,000 pen-

gunjung setiap hari dengan hasil jualan melebihi RM250 juta. --- Bernama



27 JUN, 2022

MAHA 2022 di Selangor dijangka terima sambutan menggalakkan

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 3 of 3

SUMMARIES

MELAKA: Penganjuran Ekspo Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 di Selangor yang bermula 4 Ogos depan dijangka mendapat sambutan menggalakkan daripada pengunjung. Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, ini kerana pengunjung mungkin teruja untuk ke ekspo itu memandangkan sudah empat tahun ia tidak diadakan susulan beberapa faktor termasuk penularan COVID-19.

Sukan rekreasi eratkan warga MAFI

**MAFI Squid Game
Fitness Hunt
Challenge** pertama
kali dianjurkan untuk
pupuk semangat
berpasukan

KUALA TERENGGANU

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (PSM) dan Kelab MAFI menganjurkan *MAFI Squid Game Fitness Hunt Challenge* selama tiga hari bermula 24 Jun di Pulau Bidong.

Program rekreasi julung-julung kali diadakan itu disertai oleh 50 peserta terdiri daripada Exco dan Ahli Kelab MAFI termasuk Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), Datuk Badrul Hisham Mohd;

Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan), Habshah Ali; dan Setiausaha Bahagian PSM, Noor Azlin Mohammad Shamsudin.

MAFI dalam satu kenyataan berkata, antara pengisian menarik adalah pelbagai sukan rekreasi yang boleh mengeratkan hubungan sesama peserta seperti aktiviti kerja berpasukan, mencari harta karun, ke-yakinan dalam air, snorkeling dan skuba.

"Peserta turut didedahkan dengan pengalaman para pelatih berhubung aspek keselamatan aktiviti air.

"Pelbagai aktiviti pembangunan pasukan turut dilaksanakan bagi meningkatkan tahap saling kepercayaan dan bekerjasama dalam kalangan ahli kumpulan," katanya.

Menurut kenyataan itu, pengendalian program diketuai oleh Baharin Mustapa bersama pasukannya di Stesen Penyelidikan Alami Marin Pulau Bidong.

Katanya, Pulau Bidong



Peserta melakukan pelbagai aktiviti rekreasi selama tiga hari di Pulau Bidong, Terengganu.

yang menjadi lokasi program ini pernah diisytiharkan sebagai pusat penempatan orang hanyut Vietnam pada Ogos 1978 hingga November 1991.

Sepanjang tempoh itu, seramai 252,390 orang pernah berlandung di pulau tersebut sebelum berpindah ke negara

keliga seperti Amerika Syarikat, Kanada, Jerman dan Australia.

"Pulau yang pernah menjadi saksi kisah kesengsaraan dan penderitaan mangsa perang kini dibangunkan sebagai Pusat Penyelidikan oleh Universiti Malaysia Terengganu (UMT)," katanya.

Untuk rekod, Kelab MAFI ditubuhkan pada tahun 1982 bertujuan memupuk semangat kerjasama berpasukan dan mengukuh silaturahim antara warga MAFI melalui pengajuran program dan aktiviti berbentuk kebajikan, sukan, rekreasi, sosial, ekonomi, pendidikan, kerohanian dan lain-lain.

Antara objektif penubuhan kelab ini adalah untuk memupuk kesatuan dan semangat kekitaan serta budaya kerjasama, melahirkan warga yang sihat, cergas dan pintar serta sentiasa bersedia bertindak dalam apa jua situasi.

Selain itu, ia bertujuan mencungkil bakat dan menyemai sifat kepimpinan dalam kalangan warga MAFI.

Kelab ini berdaftar dengan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) dan bernaung sebagai Kelab Gabungan di bawah Kelab Kebajikan serta Sukan Anggota Perkhidmatan Awam Wilayah Persekutuan (MAKSWIP).

50 peserta jayakan program rekreasi MAFI

PETALING JAYA - Seramai 50 orang exco dan ahli Kelab Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyertai program rekreasi MAFI Squid Game Fitness Hunt Challenge selama tiga hari bermula 24 Jun lalu di Pulau Bidong, Terengganu.

Program yang julung-julung diadakan itu disertai oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), Datuk Badrul Hisham Mohd.; Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan), Habshah Ali dan Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Noor Azlin Mohamad Shamsudin.

Pengendalian program diketuai oleh Baharim Mustapa bersama pasukannya di Stesen Penyelidikan Alami Marin Pulau Bidong.

MAFI dalam satu kenyataan berkata, Pulau Bidong yang menjadi lokasi program itu pernah diisytihar sebagai pusat penempatan orang hanyut Vietnam pada Ogos 1978 hingga November 1991 dan sepanjang tempoh itu, seramai 252,390

orang berlandung di situ sebelum berpindah ke negara ketiga seperti Amerika Syarikat, Kanada, Jerman dan Australia.

Katanya, pelbagai aktiviti menarik telah diadakan di pulau itu termasuk mencari harta karun, snorkel dan skuba.

"Peserta turut didedahkan dengan pengalaman pelatih berhubung aspek keselamatan aktiviti air. Pelbagai aktiviti bina pasukan turut dilaksanakan, sekali gus meningkatkan tahap saling kepercayaan dan saling bekerjasama dalam kalangan ahli kumpulan.

"Kelab MAFI ditubuhkan sejak 1982 untuk memupuk semangat kerjasama dan mengukuh hubungan antara warga MAFI melalui penganjuran program dan aktiviti berbentuk kebajikan, sukan, rekreasi, sosial, ekonomi, pendidikan dan kerohanian," katanya semalam.

Kelab MAFI bernaung sebagai Kelab Gabungan di bawah Kelab Kebajikan dan Sukan Anggota Perkhidmatan Awam Wilayah Persekutuan dan Kuala Lumpur.



SEBAHAGIAN peserta Kelab MAFI yang menyertai MAFI Squid Game Fitness Hunt Challenge di Pulau Bidong, Terengganu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/6/2022	BERITA HARIAN	NASIONAL	18

Sampel Musang King berulat dianalisis

Kota Bharu: Jabatan Pertanian Kelantan mengambil sampel durian Musang King dari beberapa kebun di Tanah Merah dan Jeli yang dilaporkan diserang penyakit misteri, sehingga menyebabkan buah berulat, untuk dianalisis di makmal.

Pengarahnya, Norbahani Zakaria, berkata keputusan ujian itu akan dimaklumkan sebaik sahaja punca kejadian dapat dikenal pasti, sekali gus membolehkan pihaknya memberi nasihat mengenai langkah terbaik mengatasi masalah berkenaan.

Sambil menjelaskan sampel terabit diambil sejak Rabu lalu, beliau berkata, hasil pengamatan awal mendapati situasi itu dipercayai berlaku akibat kelembapan kebun yang tinggi kerana hujan berpanjangan mulai Februari lalu.

"Saya bersama pegawai Bio-

Pekebun rugi RM1j Musang King kena penyakit misteri

100 pengusahanya durian dalam kejadian kali pertama berlaku
Norbahani Zakaria
Keratan akhbar BH Ahad, semalam.

sekuriti Tumbuhan Kelantan segera turun padang untuk melihat keadaan sebenar tanaman pengusaha durian terabit, selain mengambil tindakan sepatutnya.

"Hasil siasatan awal selepas beberapa kebun dilawati mendapati kadar atau peratus kerosakan berbeza, bergantung pada keadaan kebun dan pengurusan," katanya, semalam.



Norbahani (dua dari kanan) melawat beberapa kebun durian yang dilaporkan diserang penyakit misteri di sekitar Tanah Merah dan Jeli, semalam. (Foto Ihsan Jabatan Pertanian Kelantan)

Beliau berkata, pihaknya akan cuba membantu sebaik mungkin untuk mengkaji punca sebenar kejadian itu, di samping mengharapkan kerjasama baik daripada pengusaha tanaman bagi menyelesaikan masalah terbabit.

Kelmarin, media melaporkan hampir 100 pengusaha durian

Musang King di Tanah Merah serta Jeli mendakwa mengalami kerugian lebih RM1 juta apabila buah di kebun mereka rosak akibat penyakit misteri.

PENGUSAHA IKAN SANGKAR KERUGIAN RM50,000

Talapia mati tompok merah

Oleh Mohd Rafi Mamat
am@metro.com.my

Pelan

Seorang pengusaha ikan sangkar komersial mendakwa kerugian mencecah RM50,000 apabila lebih 10,000 ikan tilapia merah dewasa mati mengejut.

Sabarudin Osman, 52, yang memiliki 80 sangkar di Sungai Pahang di Kampung Tebat di sini, berkata, kebiasaannya setiap pagi dia menangkap ikan dalam sangkar, tetapi kali ini membuang ribuan bangkai ikan.

Katanya, setiap sangkar ada sekurang-kurangnya 500 ikan kecil dan dewasa yang mati berperingkat setiap hari.

"Dalam tempoh seminggu, saya menanggung kerugian RM50,000.

Setiap sangkar ada 500 ikan kecil dan dewasa mati berperingkat setiap hari

apabila ikan tilapia merah dewasa yang sedia dipasarkan mati tanpa diketahui sebabnya.

"Setiap ikan terdapat kesan seperti kudis dan berdarah pada badan namun saya tidak pasti puncanya. Mungkin kerana serangan parasit.

"Bagaimanapun, saya reda dan perlu tabah kerana tiada rezeki kali ini," katanya yang dibantu anaknya, Muhammad Dzulhisyam, 23, ketika ditemui, di sini, semalam.

Katanya, kes kematian ikan tilapia yang diusahakannya pernah berlaku empat tahun lalu menyebabkan kan dia kerugian besar.

Sementara itu, Muhammad Dzulhisyam berkata, ikan tilapia yang mengalami masalah kesihatan kerap timbul di

perumuan air dengan badan terdapat tompok merah



MUHAMMAD Dzulhisyam mengangkat bangkai talapia yang mati tanpa sebab diketahui.

merah sebelum mati.

"Pegawai Jabatan Perikanan Pahang datang mengambil contoh ikan mati untuk mengkaji punca penya-

kit dan dimaklumkan ikan sangkar di Kampung Tebat sahaja diserang penyakit.

"Saya dan ayah tidak mampu berbuat apa-apa,

kami berdoa penyakit berkenaan tidak menyerang ikan lain," katanya yang menternak ikan sangkar sejak 1995.

Dalam pada itu, Pengarah Jabatan Perikanan Pahang, Abdullah Jaafar mengesahkan pihaknya mengambil contoh ikan mati bagi analisis.



388 kakitangan dihargai PPK MADA, 39 staf terima APC pada Majlis Segantang Budi

'Anugerah jadi pemangkin semangat'

Oleh MOHD. RAFIE AZIMI

ALOR SETAR - Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) menghargai peranan dan pengorbanan 388 pegawai dan kakitangannya pada Majlis Segantang Budi sempena Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) di sini kelmarin.

Pada majlis itu, seramai 39 kakitangan turut menerima anugerah perkhidmatan cemerlang bagi menghargai usaha mereka dalam memacu peladang menjadi lebih progresif serta berdaya saing.

Penerima anugerah tertinggi iaitu Anugerah Khas Pendaf-tar 2021, Noor Azizi Baharom, 57, berkata, dia terharu dan tidak menyangka akan dihargai setelah lebih 31 tahun berkhidmat.

"Jujurly saya terkejut kerana dihargai sebegini rupa. Sepan-jang 31 tahun berkhidmat, kami tidak mengharapkan balasan



SERAMAI 388 staf PPK MADA dihargai dalam satu majlis makan malam di Alor Setar, kelmarin.

berlebihan kerana niat hanyalah untuk mencari rezeki.

"Saya berterima kasih kepada pihak PPK MADA yang menunjuk-kan penghargaan ini," katanya.

Dia yang juga Pembantu Tad-bir Pekerja Kontrak di PPK MADA

B1 Kayang di Perlis itu turut me-nerima anugerah Pembantu Tad-bir Projek Kontrak Terbaik dan Anugerah Setia PPK daripada Wakil Pendaf-tar PPK MADA, Kamarudin Dahuli yang juga Pen-gurus Besar MADA.

Lebih 10 anugerah disampai-kan pada majlis itu antaranya ju-ruwang terbaik, pembantu tadbir akaun terbaik, pemandu terbaik, pekerja am terbaik dan pemban-tu tadbir akaun terbaik.

Dalam pada itu, penerima

Anugerah Penyelenggara Stor Terbaik, Mohd. Razif Abd. Rashid, 38, berkata, penganturan majlis seperti itu jelas membuktikan PPK MADA tidak melupakan pekerja yang menyumbang bakti demi kebajikan petani.

"Bekerja di PPK ini banyak cabarannya kerana kita ber-depan dengan pelbagai ragam manusia serta isu, namun sero-nok apabila berjaya membantu golongan petani.

"Anugerah ini menjadi pe-mangkin semangat untuk kami bekerja bersungguh-sungguh.

"Ini merupakan kali pertama majlis sebegini diadakan dan kami masing-masing sangat gem-bira dengan usaha ditunjukkan pihak pengaju," ujarnya.

Antara peranan 27 PPK MADA di Kedah dan Perlis adalah men-gurangkan kadar kemiskinan penduduk di kawasan Muda yang mencecah 72 peratus pada tahun 1966 iaitu sebelum tertubuhnya PPK dalam kawasan MADA.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/6/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	12

50 tahun MADA, warga kerja tulang belakang kejayaan

Oleh MOHD. RAFIE AZIMI
utusannews@mediamula.com.my

ALOR SETAR: Pada 1966 iaitu kira-kira dua tahun sebelum tertubuhnya Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dalam kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), kadar kemiskinan penduduk di kawasan itu dianggarkan mencecah ke paras 72 peratus.

Namun selepas 50 tahun berlalu, keadaan sudah terlahut jauh berubah. Angka yang dulunya besar sehingga menampakan kemiskinan itu seolah-olah amat sinonim dengan petani, kini sudah 'mengecut' hingga ke paras kurang satu peratus.

Dalam membicarakan mengenai pencapaian itu, sudah tentu peranan 27 PPK dalam kawasan MADA di Kedah dan Perlis 'wajib' diperkatakan.

Sebagai *frontliners* atau petugas barisan depan yang sentiasa mendampingi golongan peladang bagi berdepan sebarang isu berkaitan, peranan dimainkan petugas warga PPK tersebut tidak seharusnya diketepikan.

Maka wajarlah seramai 388 pegawai serta kakitangan PPK berkenaan diraikan buat kali pertama dalam Majlis Segantang



NOR AZIZI BAHAROM (kanan) menerima Anugerah Khas Pendaftar 2021 daripada Kamarudin Dahulu pada Majlis Malam Segantang Budi sempena Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kakitangan PPK MADA di Alor Setar, Kedah. -UTUSAN/ SHAHIR NOORDIN

Budi sempena Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kakitangan PPK MADA yang mendapat kerjasama Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) dan Advansia Sdn. Bhd. di sini, kelmarin.

Pada majlis itu, kakitangan termasuk pembantu tadbir, pekerja am, pemandu dan penyelenggara stor turut dikejutkan dengan anugerah-anugerah yang julung

kalinya kakitangan di PPK dalam kawasan MADA diraikan sebegini rupa.

Pembantu tadbir di PPK MADA Bi Kayang, Perlis itu berkata, dia langsung tidak menyangka diharagai sedemikian setelah lebih 31 tahun berkhidmat.

"Jujurnya saya tak sangka dan terkejut kerana dihargai sebegini rupa. Sepanjang 31 tahun berkhidmat, kami tak mengharapkan balasan berlebihan kerana niatnya hanyalah untuk mencari rezeki.

"Tetapi apabila ada usaha pihak atasan menghargai kami, saya rasakan usaha dilakukan ini memang terbaik. Saya berterima kasih kepada PPK MADA yang menunjukkan penghargaan kepada kami," katanya yang turut menerima anugerah Pembantu Tadbir Projek Kontrak Terbaik dan Anugerah Setia PPK.

Majlis tersebut disempurnakan perasmian oleh Wakil Pendaftar PPK MADA, Kamarudin Dahulu yang juga Pengurus Besar MADA. Terdapat lebih 10 anugerah disampaikan pada majlis itu antaranya juruwang terbaik, pembantu tadbir akaun terbaik, pemandu terbaik, pekerja am terbaik dan pembantu tadbir akaun terbaik.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/6/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

MADA SASAR LAHIRKAN 2,522 USAHAWAN

WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR | | 26 Jun 2022



Azman (dua dari kiri) dan Ahmad Tarmizi (tiga dari kiri) semasa meninjau produk usahawan di bawah bimbingan MADA pada Karnival Usahawan MADA di Aman Central, Alor Setar pada Ahad.

ALOR SETAR - Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) menyasarkan pertambahan bilangan usahawan bimbingannya kepada 2,522 orang dengan peningkatan jumlah nilai jualan tahunan sebanyak RM200 juta pada tahun ini.

Menurut Pengerusi MADA, Ahmad Tarmizi Sulaiman, selain melestarikan industri padi di Kawasan Muda, pihaknya turut bertanggungjawab dalam meningkatkan kesejahteraan penduduk melalui aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan dalam aspek pembangunan usahawan tani.

"Sehingga tahun 2021, MADA telah berjaya melahirkan 2,402 orang usahawan dengan memperolehi nilai jualantahunan sebanyak RM185 juta.

"Ianya jelas menunjukkan bahawa perusahaan kecil dan mikro khususnya dalam penghasilan produk-produk Industri Makanan semakin berkembang pesat dari tahun ke tahun.

Namun begitu, di antara isu utama yang dihadapi oleh usahawan ialah pemasaran produk," katanya pada Perasmian Penutup Karnival Usahawan MADA dan Pelancaran Road To MAHA 2022 Peringkat Zon Utara di Aman Central, di sini pada Ahad.

Hadir merasmikan majlis tersebut adalah Exco Pertanian dan Sumber Tani, Pengangkutan dan Industri Utama Kedah, Datuk Azman Nasrudin.

Mengulas lanjut, Ahmad Tarmizi berkata, pelbagai usaha telah dijalankan bagi memastikan produk-produk tersebut dapat menembusi pasaran di dalam dan luar negara termasuklah penyertaan usahawan di dalam program promosi anjuran pihak kementerian sama ada di peringkat domestik mahupun antarabangsa.

Menurutnya, penganjuran Karnival Usahawan MADA yang berlangsung selama empat hari di Aman Central juga boleh dianggap sebagai salah satu platform kepada usahawan untuk memasarkan produk

"Karnival ini juga menyediakan peluang-peluang pepadanan perniagaan kepada usahawan untuk membina jaringan pemasaran sesama usahawan dalam usaha memperkenalkan produk keluaran usahawan bimbingan MADA terus kepada pengguna akhir.

"Pelaksanaan karnival ini juga dijangkakan dapat menyumbangkan faedah kepada usahawan untuk mengetahui kebaikan dan kelemahan kualiti serta pembungkusan produk dengan mendapatkan maklumbalas secara terus daripada pelanggan yang berkunjung," ujarinya.

Tambahnya, usahawan-usahawan juga boleh memperbesarkan lagi perniagaan usahawan mereka menerusi perolehan nilai jualan seterusnya mempromosikan pasaran produk Industri Makanan dan Asas Tani MADA.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/6/2022	UTUSAN.COM	ONLINE	

50 TAHUN MADA, WARGA KERJA TULANG BELAKANG KEJAYAAN

Oleh MOHD. RAFIE AZIMI

27 Jun 2022, 8:07 am



NOR Azizi Baharom (kanan) menerima Anugerah Khas Pendaftar 2021 daripada Kamarudin Dahuli pada Majlis Malam Segantang Budi sempena Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kakitangan PPK MADA di Alor Setar, Kedah. - UTUSAN/ SHAHIR NOORDIN

ALOR SETAR: Pada 1966 iaitu kira-kira dua tahun sebelum tertubuhnya Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dalam kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), kadar kemiskinan penduduk di kawasan itu dianggarkan mencecah ke paras 72 peratus.

Namun selepas 50 tahun berlalu, keadaan sudah terlalu jauh berubah. Angka yang dulunya besar sehingga menampakkan kemiskinan itu seolah-olah amat sinonim dengan petani, kini sudah 'mengecut' hingga ke paras kurang satu peratus.

Dalam membicarakan mengenai pencapaian itu, sudah tentu peranan 27 PPK dalam kawasan MADA di Kedah dan Perlis 'wajib' diperkatakan.

Sebagai frontliners atau petugas barisan depan yang sentiasa mendampingi golongan peladang bagi berdepan sebarang isu berkaitan, peranan dimainkan petugas warga PPK tersebut tidak seharusnya diketepikan.

Maka wajarlah seramai 388 pegawai serta kakitangan PPK berkenaan diraikan buat kali pertama dalam Majlis Segantang Budi sempena Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kakitangan PPK MADA yang mendapat kerjasama Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) dan Advansia Sdn. Bhd. di sini, kelmarin.

Pada majlis itu, kakitangan termasuk pembantu tadbir, pekerja am, pemandu dan penyelenggara stor turut dikejutkan dengan anugerah-anugerah yang julung kali diadakan bagi menghargai penat lelah serta pengorbanan mereka dalam memacu peladang menjadi lebih progresif serta berdaya saing.

Penerima Anugerah Khas Pendaftar 2021, Nor Azizi Baharom, 57, berkata, dia sangat menyanjung usaha semua pihak yang menjayakan majlis tersebut kerana ini adalah julung-julung kalinya kakitangan di PPK dalam kawasan MADA diraikan sebegitu rupa.

Pembantu tadbir di PPK MADA B1 Kayang, Perlis itu berkata, dia langsung tidak menyangka dihargai sedemikian setelah lebih 31 tahun berkhidmat.

"Jujurnya saya tak sangka dan terkejut kerana dihargai sebegini rupa. Sepanjang 31 tahun berkhidmat, kami tak mengharapkan balasan berlebihan kerana niatnya hanyalah untuk mencari rezeki.

"Tetapi apabila ada usaha pihak atasan menghargai kami, saya rasakan usaha dilakukan ini memang terbaik. Saya berterima kasih kepada PPK MADA yang menunjukkan penghargaan kepada kami," katanya yang turut menerima anugerah Pembantu Tadbir Projek Kontrak Terbaik dan Anugerah Setia PPK.

Majlis tersebut disempurnakan perasmiannya oleh Wakil Pendaftar PPK MADA, Kamarudin Dahuli yang juga Pengurus Besar MADA. Terdapat lebih 10 anugerah disampaikan pada majlis itu antaranya juruwang terbaik, pembantu tadbir akaun terbaik, pemandu terbaik, pekerja am terbaik dan pembantu tadbir akaun terbaik.

Bagi penerima Anugerah Penyelenggara Stor Terbaik, Mohd. Razif Abd. Rashid, 38, penganjuran acara seperti itu bagi jelas membuktikan betapa PPK MADA sama sekali tidak melupakan kalangan pekerja yang menyumbang bakti demi kebajikan petani.

"Bekerja di PPK ini banyak cabarannya kerana kita berdepan dengan pelbagai ragam manusia serta isu dibangkitkan. Namun seronoknya tetap ada terutama sekali apabila kita berjaya membantu golongan petani terutama mereka yang berusia mengatasi masalah masing-masing.

"Anugerah ini menjadi pemangkin semangat kepada kami untuk bekerja dengan lebih bersungguh-sungguh pada masa akan datang. Ini kali pertama majlis sebegini diadakan dan kami masing-masing sangat gembira dengan usaha ditunjukkan pihak penganjur," katanya. – UTUSAN

Kartel: LKIM lantik syarikat beli ikan untuk simpanan stok sejuk beku

BUKIT GANTANG - Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sedang dalam proses menyiaipkan tender untuk melantik syarikat membekalkan ikan untuk stok sejuk beku.

Pengerusinya, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Abdul Fasal berkata, langkah itu dapat membendung aktiviti monopoli kartel yang semakin berleluasa.

"Kerajaan melalui syarikat berkenaan yang dilantik LKIM akan bertindak membeli, menyimpan, memproses dan memasarkan ikan dalam skala be-

sar bagi mengelak kartel memonopoli ketika musim pendaratan ikan yang banyak," katanya sewaktu sidang akhbar majlis penyerahan enjin sangkut di Kampung Tebuk, Matang dekat sini pada Ahad.

Seramai 46 orang nelayan di Jeti Kampung Tebuk dan Jeti Kampung Matang Gelugor menerima enjin sangkut membabitkan kos RM494,000 bertujuan membantu meningkatkan pendapatan mereka.

Syed Abu Hussin berkata, dalam tempoh ini bekalan ikan

mengalami kenaikan harga dipercayai telah dimonopoli kartel yang membeli dengan banyak.

Beliau berkata, pihaknya yakin dengan cara melantik syarikat itu akan menstabilkan, selain membantu mengurangkan harga ikan di pasaran.

"Isu kartel bukan perkara baharu kerana kartel sudah bergerak untuk membeli ikan di kawasan pendaratan pada musim ikan banyak dengan cara itu akan membolehkan mereka memainkan harga di pasaran," katanya.

- Bernama



Syed Abu Hussin Hafiz (kiri) menyerahkan replika enjin sangkut kepada nelayan, Shafel Bardan sewaktu Program Penyerahan Enjin Sangkut di Kampung Tebuk, Matang, Perak pada Ahad.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/6/2022	HARIAN METRO	ONLINE	

LKIM PERLU JADI 'KARTEL' BELI IKAN SEKALA BESAR [METROTV]

Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi

am@hmetro.com.my

Bukit Gantang: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) mengenal pasti aktiviti kartel besar yang membeli bekalan ikan nelayan pada skala besar di pusat pendaratan namun enggan mendedahkan siapa pelakunya.

Pengerusinya Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal, berkata berdasarkan pemantauan pihaknya mendapati sememangnya terdapat aktiviti kartel di mana-mana pusat pendaratan seluruh negara namun tidak pasti jumlah sebenar.

Menurutnya, kumpulan ini dikesan membeli ikan dalam jumlah yang banyak di pusat jeti pendaratan dan akan membeku serta menyimpannya berikutan beberapa bulan ini adalah musim pendaratan ikan.

"Sebab itu LKIM perlu bertindak segera membuat perkara sama seperti pembeli besar atau kartel dengan membeli ikan terus di pusat pendaratan nelayan.

"Jika kartel membeli dengan harga yang tinggi LKIM juga boleh membeli dengan harga yang sama namun hendaklah melalui kaedah yang betul.



DATUK Syed Abu Hussin Hafiz (dua kanan) menyerahkan enjin sangkut kepada nelayan. FOTO Shaiful Shahrin Ahmad Pauzi

"Dengan cara ini LKIM akan mendapat stok ikan yang banyak dan boleh dikeluarkan ketika musim tengkujuh atau di waktu bekalan berkurangan bagi membantu rakyat yang terkesan," katanya ditemui media pada Majlis Penyerahan Enjin Sangkut PNK (Persatuan Nelayan Kawasan) Matang di Jeti Kampung Tebuk, Matang, di sini, hari ini.

Dalam program itu seramai 46 nelayan menerima enjin sangkut berkapasiti 15,30 dan 40 kuasa kuda dengan peruntukkan keseluruhan berjumlah RM 494,000.

Ditanya mengenai kaedah bagi membendung aktiviti kartel ini berleluasa, beliau menegaskan LKIM kini sedang menyiapkan tender kepada syarikat yang layak untuk membekalkan ikan kepada pihaknya bagi menambah stok simpanan ikan sejuk beku.

Semalam media melaporkan LKIM bimbang pihak kartel akan memonopoli pendaratan ikan nelayan sekiranya LKIM tidak bertindak segera membeli hasil pendaratan itu.

Kerjasama penduduk, PBT realisasi pertanian bandar

Oleh Prof Madya Dr Mohd Ramzi
Mohd Hussain
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah Kanan
Jabatan Seni Bina
Landskap, Kuliyah
Seni Bina dan Reka
Bentuk Alam, Sektor
(KAED), Universiti
Islam Antarabangsa
Malaysia (UIAM)

Isu kenaikan harga barang dan kos sara hidup yang semakin menghimpit rakyat ekoran pelbagai krisis, sama ada dari dalam mahupun luar negara, sebenarnya boleh dihadapi sekiranya penyelesaiannya mengambil kira keupayaan sesuatu bandar 'menyerap' tekanan itu.

Bagaimanapun, seperti kita maklum, konsep bandar diamalkan kini menghasilkan kurang 10 peratus makanan hingga bergantung sepenuhnya kepada air, tenaga, bahan api dan binaan daripada sumber luar.

Oleh itu, kita perlu mengkaji semula bagaimana ruang bandar digunakan sebagai sumber menjana makanan kepada penduduknya sendiri. Apatah lagi dengan per-

tambahan penduduk, pihak berkuasa perlu meneliti perancangan landskap bandar yang bukan sahaja bertindak balas dengan alam sekitar, bahkan dapat menjana sumber makanan tambahan.

Ruang bandar dan pertanian perlu dipromosikan seperti dirancang secara mampan untuk komponen dan struktur makanan boleh dimakan. Di Eropah, penajanan semula bandar adalah tumpuan utama untuk dasar awam pihak berwajib dengan tumpuan kritikal untuk menerokai aspek keijiranan.

Dalam ekosistem bandar, perancangan reka bentuk bandar perlu mempromosikan pertanian bandar selepas meningkatkan ketersediaan tanah tidak digunakan. Ini memberi kelebihan untuk kesihatan awam, termasuk pengurangan tekanan dan aktiviti fizikal serta kemampunan taman bandar

dengan cara perancangan reka bentuk bandar berpandangan jauh.

Pelan infrastruktur hijau yang pelbagai fungsi perlu dikaitkan kelangsungan manusia dan daya tahan bandar. Konsep ini perlu diperkukuh dengan pendekatan untuk menjana makanan bagi meningkatkan kualiti hidup dan menambah insurans makanan berterusan.

Ini akan mewujudkan rangkaian terancang mampan bagi komponen dan struktur makanan boleh dimakan dalam ekosistem bandar diurus dan direka bentuk secara menyeluruh.

Tipologi infrastruktur hijau dikategorikan bersama dengan pertanian bandar dengan lapan sub-klasifikasi reka bentuk, iaitu pertama, elemen hutan dan penghijauan bandar boleh ditanam dengan pokok serta tumbuhan yang boleh memberi sumber makanan bandar.



Taman komuniti mampu menjana sumber makanan berterusan kepada masyarakat setempat. (Foto hasan)

Kedua, taman hutan dengan spesies sesuai di-tanam; ketiga, taman botani (perlu kepada spesies tumbuhan botani menghasilkan makanan) dan keempat, taman dan laman sekolah (ruang hijau untuk sayuran).

Kelima, taman komuniti (di sekitar kawasan perumahan bandar mempunyai akses kepada sumber air; keenam, kawasan balkoni rumah (tanaman sayuran di dalam pasu; ketujuh, tanaman menjalar untuk kawasan dinding boleh ditanam dan kelapan, taman tanaman lautan jalan (yang boleh diintegrasikan dengan tanaman boleh dimakan).

Konsep ini bukan idealistik, sebaliknya sudah diterjemah dan didapati di Andernach, Jerman dan Tokyo, Jepun. Tumbuhan boleh dimakan di-tanam di kawasan hijau bandar yang mana masyarakatnya boleh menuai secara percuma, sekaligus menghasilkan diet lebih baik dan meningkatkan interaksi sosial.

Bagaimanapun, seliaan dan pemantauan pihak berkuasa tempatan (PBT) diperlukan disebabkan tumbuhan boleh dicemari bahan pencemar. Kerjasama dan pelan tindakan bersama masyarakat dapat memastikan kelangsungan pelan infrastruktur hijau bandar.

Kerjasama PBT dapat memastikan kaedah pengurusan dan penyelenggaraan kawasan tanaman dengan melihat lebih khusus seperti kesuburan tanah, sumber air berterusan dan impak sosial masyarakat dalam melaksanakan kaedah ini.

Hakikatnya, pelan infrastruktur hijau bandar melalui pertanian bandar boleh diketengahkan sebagai penyelesaian berasaskan alam dalam menyedak peningkatan menarik kepada kualiti hidup, kesihatan dan kesejahteraan untuk terus menjadi bandar berdaya tahan serta berdaya huni.

27/6/2022

NEW
STRAITS
TIMES

NEWS

10

TACKLING ANIMAL FEED PRICES

Can corn production programme succeed this time?

CORN is back in the news once again. It started with the rise in the price of chicken.

Since chicken is the most popular source of protein for Malaysians, its supply and price issues sparked heated discussions on social media.

All kinds of analyses and theories were shared on the crisis. But one that constantly popped up concerned chicken feed.

It became known to the public that most of the blame for the hike in chicken prices is attributable to the rising prices of chicken feed, which is apparently the major cost in chicken production.

The spike in the global prices of animal feed is also rooted in the Russia-Ukraine conflict, as well as supply shortfalls from other major producers. Not to mention the post-pandemic disrupted logistics.

The grain corn industry is relatively small in Malaysia. However, the development of the livestock industry, especially ruminants, broilers and swine, requires millions of tonnes of grain corn as the main component of their feed.

Malaysia imports nearly all its



**DATUK
DR AHMAD
IBRAHIM**

grain corn needs from Brazil, Argentina and other countries. The effort to grow corn here is not new.

The programme has been tried before. There were many farmers who ventured into growing corn those days to tap into the domestic demand.

Even rubber smallholders grew corn to supplement their income. Unfortunately, there was no proper channel to market the produce.

As a result, much was left to rot or sold at very low prices not benefiting their investment.

Like everything else, there needs to be an efficient market if corn is to expand as a commodity. Palm oil is a good example of one that benefits from the presence of an efficient market.

The Agriculture and Food Industries Ministry is targeting a 30 per cent increase in grain corn production for the animal feed industry in the next five years.

This is to reduce the dependence on imported grain corn. The ministry has a clear plan.

Although Malaysia has grown grain corn since the 1980s, this crop is not popular among farmers. They prefer to grow sweet corn as it fetches a higher price.

Other Asean countries are way ahead in terms of production and hectareage.

One study has suggested some reasons why grain corn farming has not taken off in the country.

First, there is no suitable variety to be planted. Second, the cost of production is very high.

Third, there is no suitable machinery, especially for harvesting and drying. Fourth, there is not much government support and intervention in facilitating the marketing of the produce.

It is, therefore, no wonder that Malaysia must import grain corn every year. Almost RM4 billion is spent to import about 300,000 tonnes.

This is a big drain on the na-



A worker pouring chicken feed at a farm in Kampung Bakung, Kuala Nerang. Chicken feed is a major cost in chicken production. FILE PIC

tion's foreign exchange. The expenditure has been increasing by 10 per cent every year. The dependency on imported corn is creating risk and instability in the national livestock industry.

Many believe that to increase corn production to meet future demand, the challenges lie in research and development, governance and policy implementation.

The government has targeted to produce 1.44 million metric tonnes of grain corn from 80,000 hectares by 2032. How do we make sure the target is realised?

Few would disagree that the national commitment to expand

grain corn production is wise. The only concern is that we have made a similar commitment many times before.

And literally all have not reached the targeted production. What is going to be different this time around in terms of the strategy? What are the lessons we can learn from past efforts?

We need to analyse past failures so as not to repeat the mistakes moving forward. Otherwise, a few years down the road, we will again embark on a similar programme!

The writer is a professor at the Ian Sri Omar Centre for STI Policy, UCSI University



PEMBERIAN Elaun Sara Hidup Nelayan bertujuan membantu golongan itu untuk meneruskan kelangsungan hidup dalam keadaan kos sara hidup yang tinggi ketika ini.

Johor teruskan pemberian bantuan kepada rakyat

3,164 nelayan kekal dapat elaun RM300

Oleh **MOHAMAD FAIZAL HASHIM**

ISKANDAR PUTERI - Kerajaan negeri meneruskan bantuan Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) sebanyak RM300 sebulan kepada 3,164 nelayan di Johor.

Nelayan yang layak dipertimbangkan untuk menerima ESHN adalah pemilik vesel perikanan zon A, pemilik vesel transformasi zon A yang berstatus syarikat dan pekerja (awak awak) atas vesel berlesen bagi zon A, B, C dan C2 bertaraf warganegara.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar negeri, Datuk Zahari Sarip berkata, nelayan juga diberi bantuan subsidi minyak diesel dan petrol dengan harga RM1.65 bagi menampung sebahagian kos operasi kepada nelayan yang memiliki kad.

"Pemberian subsidi ini diberikan kepada nelayan yang aktif ke laut. Dianggarkan tiga juta liter

SIDANG DUN JOHOR



kuota bagi subsidi minyak diesel sebulan dan 1.5 juta liter kuota bagi subsidi minyak petrol sebulan," katanya pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini semalam.

Beliau menjawab soalan lisan Datuk Jefridin Atan (**BN-Kukup**) mengenai perancangan jangka masa pendek dan panjang kerajaan negeri untuk membela nasib nelayan kecil yang terhimpit berikutan kekurangan hasil tangkapan di perairan Johor.

Zahari berkata, bagi merancakkan sektor perikanan, kerajaan negeri telah meluluskan

lot-lot ternakan Estet Kerang-Kerangan Negeri Johor.

Jelasnya, projek itu membuka ruang kepada lebih ramai nelayan Zon A untuk meningkatkan pendapatan mereka.

"Selain itu, syarat spesifikasi sampan dan had kuasa kuda enjin sangkut telah ditingkatkan daripada 11 meter kepada 15 meter dan 120 kuasa kuda kepada 200 kuasa kuda enjin," katanya.

Tambahnya, bagi perancangan jangka panjang, kerajaan merancang mewujudkan Zon Industri Perikanan Johor yang bertujuan merizabkan kawasan pembangunan industri akuakultur dan pengurusan sumber perikanan negeri seluas 10,000 hektar.

"Permohonan Lesen Zon C2 dan C3 juga masih lagi boleh dimohon untuk menggalakkan aktiviti perikanan laut dalam bagi mengurangkan persaingan di kawasan perairan Zon A dan Zon B," ujarnya.



ABDUL MUTALLIB (kiri) melayan pelanggan membeli durian di kebunnya di Damak, Jerantut.



POKOK-POKOK durian kampung termasuk jenis premium telah ditanam oleh generasi dahulu.

Raja buah dari Jerantut jadi kegilaan ramai, harga murah tetapi rasa premium

Durian Damak kalahkan musang king

Oleh ABDUL RASHID
ABDUL RAHMAN

JERANTUT - Mas hijau, damak king, katak tembaga, kulit buaya, aji aziz dari naga emas merupakan antara jenis durian yang terdapat di Damak di sini yang menjadi rebutan ramai penggemar raja buah itu kerana rasanya mampu mengalahkan musang king.

Kegilaan terhadap durian kampung premium Damak bagaikan fenomena baharu apabila ramai penggemar durian 'menyerbu' pekan itu bagi mendapatkan durian Damak.

Isinya yang berwarna kuning dan mempunyai rasa yang sedap serta aroma tersendiri membuatkan durian Damak mampu mengatasi musang king.

Malah, ada durian seperti mas hijau yang memenangi pertandingan durian kampung premium kini menjadi buruan meskipun dijual dengan harga RM40 sekilogram.

Di sekitar pekan Damak sahaja terdapat kira-kira 10 gerai menjual pelbagai jenis durian kampung pada harga serendah RM8, manakala durian kampung premium bermula RM15 sekilogram.

Seorang penjual dan pekebun durian, Ahmad Mustafa, 43, berkata, terdapat lebih 20 jenis durian kampung yang dikategorikan sebagai premium selepas ia layak memasuki pertandingan durian kampung premium yang diadakan secara tahunan.

"Sebenarnya banyak lagi durian kampung berkualiti yang boleh dimasukkan dalam kategori premium, tetapi masih dijual mengikut kategori kampung biasa kerana tidak masuk bertanding.

"Jadi durian kampung pre-



AHMAD (kanan) menunjukkan durian premium jenis mas hijau yang menjadi buruan ramai di Damak, Jerantut baru-baru ini.



Mereka datang hanya mahukan durian kampung Damak, mereka tidak mahukan durian lain termasuk musang king."

ABDUL MUTALLIB

mium di sini memang berbaloi untuk dibeli kalau dibandingkan dengan musang king yang lebih mahal," katanya baru-baru ini.

Seorang penjual durian, Abdul Mutallib Mamat, 63, berkata, dia yang berpengalaman menjual durian lebih 30 tahun lalu mengakui durian kampung Damak sememangnya mendapat permintaan tinggi berbanding durian klon seperti musang king.

Dia yang dikenali dengan Pok Tar berkata, pelanggan yang datang membeli bukan sahaja dari



KERATAN Kosmo! Ahad 19 Jun 2022.

Pahang, malah seluruh negara terutamanya dari Lembah Klang. "Mereka datang hanya mahukan durian kampung Damak, mereka tidak mahukan durian lain termasuk musang king.

"Mereka sangat berpuas hati membeli durian kampung Damak yang mempunyai isi yang tebal, menarik dan cita rasa tersendiri seperti aroma yang unik.

"Setiap kali musim durian, ramai yang berulang-alik datang termasuk pelanggan baharu, ada yang datang membeli dan makan



ISI mas hijau yang kuning dan rasa yang sedap selain mempunyai aroma tersendiri membuatkan durian itu mampu mengatasi musang king.

di sini serta bawa balik untuk keluarga, ada juga yang membeli banyak untuk dijual," katanya.

Setiausaha Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Damak, Zulkifly Mahmud pula berkata, durian kampung termasuk premium memang banyak ditanam di sekitar Damak oleh generasi dahulu yang mana biji durian dibawa dari seluruh negara termasuk Thailand.

"Pada masa ini, hampir kesemua penduduk di Damak mempunyai pokok durian khusus di kawasan sekitar rumah mereka iaitu sekurang-kurangnya 0.8 hektar kawasan ditanam buah bagi setiap keluarga," ujarnya.

Sementara itu, seorang pelanggan, Safinah Yaakob, 50, berkata, dia bersama rakan-rakannya datang ke Damak semata-mata untuk menikmati durian kampung.

Menurutnya, selain harga berpatutan, isi durian yang tebal dan menarik serta rasa yang tersendiri membuatkan dia sering berkunjung ke Damak bersama rakan-rakan.

"Kalau musang king di mana-mana sahaja ada, tetapi durian kampung terbaik atau premium, hanya ada di Damak," ujarnya.

Ketika ini, musang king di Jerantut dijual pada harga antara RM35 hingga RM40 sekilogram. Pada 19 Jun lalu, Kosmo! Ahad melaporkan, durian musang king yang dahulunya dijual pada harga RM60 sekilogram di daerah Bentong turun mendadak sehingga RM23 sekilogram selepas peniaga melakukan 'perang harga'.

Trend penurunan harga berlaku sejak tiga minggu lalu apabila sebahagian peniaga di daerah itu mahu menghabiskan stok buah masing-masing sama ada yang ditanam di kebun atau dijual oleh perahi.



INISIATIF ini menyumbang kepada pengurusan sisa kampus yang lebih sistematik, sekali gus dapat dimanfaatkan demi kelestarian alam sekitar.



PELAKSANAAN program komuniti seperti ini telah membuka peluang bagi UTM mewujudkan jalinan kerjasama dengan masyarakat luar.

Pertanian lestari UTM beri manfaat

Kampus

Oleh KHAIRIYAH HANAFI

SEKURITI makanan menjadi antara perkara hangat diperdebat, bukan sahaja dalam kalangan pakar akademik dan pembuat dasar, bahkan hebat dibincangkan di platform media sosial.

Ia selepas isu kekurangan bekalan ayam, kenaikan harga sayur-sayuran dan kebergantungan tinggi terhadap import bahan makanan ruji mendapat perhatian orang ramai pada masa sekarang.

Kedua ini menjadi asas kukuh untuk rakyat Malaysia melahirkan rasa bimbang terhadap tahap kesediaan negara berdepan krisis bekalan dan pengeluaran makanan di peringkat global.

Justeru, atas dasar prihatin dan cakna dengan situasi semasa, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) mengambil inisiatif dalam melaksanakan projek makmal hidup KTHO Waste to Wealth Hub, sebuah projek pertanian berkonsepkan kelestarian dan keusahawanan sosial.

Ia sekali gus menyokong agenda



TIMUN antara sumber makanan yang ditanam dalam projek tersebut.



PERKONGSIAN kepentingan amalan kitar semula di peringkat domestik turut dianjurkan sebagai suatu usaha bersama untuk mengekalkan kelestarian alam.

global Matiamat Pembangunan Lestari (SDG).

Menariknya, projek yang diketuai oleh Pengetua Kolej Tun Hussein Onn (KTHO), Prof. Madya Dr. Norahim Ibrahim tersebut yang memasuki tahun kedua telah menerima sokongan padu daripada Majlis Fellow Merbauan (Mafan) dan juga Jawatankuasa Kolej Mahasiswa KTHO.

Menurut Dr. Norahim, menerusi projek itu, aktiviti-aktiviti menarik yang praktikal dan sesuai seperti penyemaian biji benih, pembuatan baja serta pertandingan menanam pokok turut ditekankan kepada para pelajar yang terlibat.

Katanya, secara tidak langsung, pelaksanaan program komuniti seperti itu membuka peluang kepada UTM mewujudkan jalinan kerjasama dengan masyarakat luar.

"Ia diharapkan dapat diteruskan pada masa akan datang demi memastikan legasi kelestarian alam sekitar terus kekal mampan dan utuh terjaga," ujarnya.

Menurutnya, elemen penyelidikan dan inovasi KTHO Waste to Wealth Hub turut dimanfaatkan dalam projek berkenaan.

Ia dilakukan dengan penglibatan tiga

pelajar yang menyertai pertandingan penyelidikan dan inovasi peringkat antarabangsa, International Biotechnology Competition and Exhibition 2022 (IBCE'22) yang berlangsung pada 15 dan 16 April yang lalu.

Mereka berjaya merangkul tempat ketiga dalam kategori teknologi hijau dengan mempertaruhkan projek inovasi bertajuk Fertility: Fertigation System for Urban Farming Using Solar and Rainwater Harvesting.

Inovasi itu menonjolkan konsep penggunaan air hujan yang boleh dikitar sebagai medium siraman daripada terbuang di longkang atau sungai begitu sahaja.

Reka bentuk projek fertility yang menggunakan rak bertingkat turut menjadi salah satu impak besar kepada projek itu untuk dikomersialkan kepada masyarakat setempat, terutamanya buat warga kota.

Ini memandangkan, ia boleh menyelesaikan masalah mereka yang tidak mempunyai ruang mencukupi untuk bercucuk tanam di kawasan rumah.

Justeru, idea projek fertility ini dilihat praktikal untuk menyelesaikan beberapa isu atau masalah yang

dihadapi masyarakat seperti ketiadaan atau kekurangan tempat untuk menjalankan aktiviti pertanian.

Di samping itu, kaedah itu juga menjadi salah satu inisiatif bagi mereka yang sibuk bekerja, tetapi turut mahu melibatkan diri dalam aktiviti pertanian bandar.

Dalam hal ini, sekurang-kurangnya negara boleh mengurangkan kadar kebergantungan yang tinggi kepada import bekalan bahan makanan ruji selepas ini.

Semua ini boleh dicapai dengan pelaksanaan inisiatif-inisiatif makmal hidup pada skala mega.

Inisiatif seumpama ini bukan sahaja mampu menyelesaikan masalah sosial masyarakat seperti kelaparan, keburlan dan kemiskinan, malahan ia turut dapat mencetuskan peluang pekerjaan baharu terutama dalam bidang agrotani dan teknologi pertanian lestari.

Dalam pada itu, menyedari hakikat warga kampus antara penyumbang kepada sisa domestik, terutamanya dalam bentuk sisa makanan, pelaksanaan inisiatif itu memberi harapan kepada pengurusan sisa kampus lebih sistematik.

"Ini, sekaligus dapat dimanfaatkan demi kelestarian alam sekitar," kata Dr. Norahim.

Katanya lagi, projek berkenaan dilihat berupaya menonjolkan KTHO dan UTM sebagai pusat rujukan utama kepada program-program latihan berkaltan aktiviti pertanian lestari yang berkonsepkan 4R (reduce, reuse, recycle, recover).

Diharapkan, projek terbabit dapat menjadi ejen perubahan gaya hidup lestari dalam kalangan rakyat Malaysia dalam usaha untuk menyokong mamlat menjadi negara rendah karbon.

Menyerusi aktiviti perkongsian pengetahuan pada projek tersebut, peserta turut dilengkapkan dengan kesedaran tentang kepentingan amalan kitar semula di peringkat domestik.

Ia sebagai satu usaha bersama untuk mengekalkan kelestarian alam sekitar di negara ini yang dapat memenuhi objektif program dalam usaha memberi impak positif kepada manusia dan alam sekitar.

Oleh Mohd Rafi Mamat
am@metro.com.my

Rompin

Usaha menambahkan lagi sumber perikanan di kawasan perairan Pulau Tioman yang terkenal sebagai destinasi pelancongan terkenal di negara ini dilakukan dengan adanya projek tukun tiruan dan unjam.

Menerusi projek yang digerakkan Jabatan Perikanan Negeri Pahang itu, ia mampu menambahkan lagi sumber makanan seterusnya pendapatan nelayan turut bertambah dua hingga tiga kali ganda setiap kali mereka turun ke laut.

Malah, lebih menarik tukun tiruan jenis Konkrit Kuboid Juvenil seberat 18 tan setiap satu dilihat senjata berkesan di dasar laut dapat menghalang aktiviti pukat tunda yang mencerooboh kawasan terbabit.

Pengarah Jabatan Perikanan Pahang Abdullah Jaafar berkata, peruntukan RM251,000 dibelanjakan bagi menyediakan tujuh unit tukun tiruan jenis Konkrit Kuboid Juvenil yang dilabuhkan di perairan Laut Pulau Tulai, dekat Pulau Tioman, Rompin pada minggu lalu.

Katanya, program kali



PEKERJA memeriksa tukun konkrit sebelum ditenggelamkan di perairan Kampung Mukut, Pulau Tioman menggunakan tongkang.



Rezeki tukun 18 tan

Projek tukun tiruan tambah sumber ikan di perairan Pulau Tioman

pertama diadakan tahun ini turut membabitkan penyediaan 119 unit mini tukun berserta unjam rekreasi bernilai RM45,000 di perairan laut Kampung Mukut Taman Laut, Pulau Tioman.

Menurutnya, mini tukun berserta unjam yang dilabuhkan turut dapat membantu nelayan dalam kegiatan menangkap ikan dan aktiviti perikanan rekreasi.

Hanya dalam masa beberapa minggu selepas tukun berserta unjam dilabuhkan pelbagai jenis ikan akan bersarang dan membiak di situ.

"Projek tukun tiruan jenis Konkrit Kuboid Juvenil ter-

masuk mini tukun berserta unjam bukan sahaja menjadi lubang rezeki pada nelayan tempatan menangkap ikan, tetapi turut muncul sebagai kawasan agro pelancongan.

"Pelancong yang meminati aktiviti memancing pasti berpuas hati apabila dapat membawa pulang hasil memuatkan setiap kali berkunjung ke kawasan terbabit, aktiviti berkenaan juga memberi pendapatan kepada pengusaha bot.

"Kajian yang dilakukan di perairan Kampung Nenasi, Pekan sebelum ini menda-

pati terdapat 26 spesies ikan komersial dan 28 jenis ikan karang hidup dan membiak di kawasan tukun tiruan. Antara ikan yang banyak terdapat di situ ialah kerapu, merah, tanda, jenahak, cermin dan tenggiri," katanya.

Beliau yang turut sama menyertai aktiviti melabuhkan di Pulau Tulai minggu lalu berkata, dalam tempoh 13 tahun jabatan su-

dah menurunkan 262 tukun tiruan konkrit di beberapa kawasan perairan di Pahang seperti di Cherating, Rompin, Pekan dan Pulau Tioman.

Abdullah berkata, kali terakhir jabatan melabuhkan tukun jenis Konkrit Kuboid Juvenil di perairan Kampung

Mukut pada 2019, sebanyak tujuh unit tukun bernilai RM250,000 disediakan. Dua tahun lalu 40 unit unjam bernilai RM20,000 turut dilabuhkan.

Tambahnya lagi, paling banyak tukun dilabuhkan pada 2007 dan ia membabitkan 60 tukun tiruan jenis Rekreasi. Setiap tahun jabatan berusaha mendapatkan peruntukan bagi menyediakan tukun tiruan dalam usaha menambah pendapatan nelayan di samping dapat meningkatkan lagi sektor agro pelancongan menerusi aktiviti memancing.

Katanya, projek tukun tiruan yang diusahakan tahun ini dijangka memberi penambahan stok sumber ikan di perairan Taman Laut Pulau Tulai kira-kira RM100,000 dalam satu masa, limpahan sumber akan keluar daripada Taman Laut secara berterusan memasuki zon tangkapan serta

memberi tambahan pendapatan kepada 2,058 nelayan zon pantai negeri ini.

Menurutnya, aktiviti pelancongan di Pulau Tulai termasuk Pulau Tioman dijangka terus bertambah apabila peminat aktiviti menyelam dapat melihat pelbagai jenis ikan.

"Nelayan dan pengusaha bot memancing bila-bila masa boleh datang ke kawasan tukun tiruan di perairan Kampung Mukut, pelampung menjadi penanda kawasan tukun.

"Saya berharap projek tukun tiruan yang diusahakan dapat meletakkan perairan Pulau Tioman sebagai destinasi agro pelancongan yang menjadi pelengkap kepada imej Pulau Tioman sebagai pusat pelancongan yang terkemuka di rantau ini," katanya yang ingin memastikan sumber makanan terus bertambah bagi menampung permintaan.

Sementara itu, bagi ketua Kampung Mukut, Zahid Othman, 61, keputusan jabatan Perikanan melabuhkan mini tukun berserta unjam dianggap rezeki datang bergolek buat nelayan serta pengusaha bot memancing tempatan.

Katanya, nelayan pastinya gembira dengan adanya tukun tiruan kerana mereka tidak perlu pergi jauh untuk menangkap ikan berbanding sebelum ini dan kos minyak bot dapat dikurangkan.

"Selain tukun Konkrit Kuboid Juvenil yang dilabuhkan dua tahun lalu, kali ini mini tukun berserta unjam turut ditempatkan di kawasan perairan yang sama.

"Komuniti nelayan Kampung Mukut akan bergotong-royong mengantikan unjam daun pokok kelapa yang rosak selepas beberapa bulan digunakan," katanya.

Beliau berkata, masyarakat nelayan menghargai usaha jabatan Perikanan Negeri Pahang yang sekali lagi memilih perairan Kampung Mukut sebagai lokasi melabuhkan tukun dan unjam.



Beliau mengagelamkan tukun konkrit berserta unjam di kawasan perairan kampung Mukut, Pulau Tioman.

Rafidah tegaskan kerajaan perlu sedia simpanan bekalan makanan sepanjang tempoh krisis

Oleh **KHAIRIL ANWAR**
MOHD AMIN
SHAH ALAM

Bekas Menteri perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tan Sri Rafidah Aziz menegaskan kerajaan sepatutnya memastikan stok penimbunan bekalan sekuriti makanan negara seperti beras dan ayam, disimpan pada tahap minimum 65 peratus daripada penggunaan rakyat di sepanjang tempoh krisis.

Jelas Rafidah yang juga bekas Menteri Perusahaan Awam, langkah strategik berkenaan penting bagi memastikan rakyat ketika ini tidak terbeban dengan krisis sekuriti makanan dan masalah inflasi luar biasa disebabkan senario konflik ekonomi 'berhindh'.

Tegasnya, pada saat negara berdepan kesan pandemik Covid-19 dan implikasi ekonomi akibat konflik Rusia-Ukraine secara serentak, masalah utama yang betul-betul harus ditangani kerajaan adalah isu sekuriti makanan, sekuriti ubat-ubatan serta peralatan perubahan untuk hospital serta klinik kerajaan.

"Itu perkara asas. Saya khawatir adakah kerajaan kita pada hari ini masih mengawasi adanya stok penimbunan bekalan beras untuk satu tempoh krisis yang kritikal seperti sekarang?"

"Sewaktu saya menjadi Menteri Perusahaan Awam dan menjaga bekalan beras, saya akan memastikan stok penimbunan



RAFIDAH

bekalan beras wajib merangkumi minimum 65 peratus daripada penggunaan rakyat dalam satu masa.

"Ini bererti Lembaga Padi Negara (LPN) ketika itu simpanan beras, pemborong simpanan beras, malah pengilang juga mengambil inisiatif simpanan

bekalan beras.

"Justeru, bila timbul isu bencana, kita tidak bimbang kerana stok penimbunan bekalan beras mencukupi. Saya tidak tahu sama ada kita ada melaksanakan langkah penting ini.

"Di Thailand, usaha mengukuhkan stok simpanan bekalan beras menjadi keutamaan pada saat getir ini," ujarnya menerusi satu wawancara eksklusif bersama *Sinar Premium* pada Khamis.

Beliau mengulas langkah penting yang perlu diutamakan kerajaan dalam menangani krisis ekonomi 'berhindh' susulan negara baru beralih ke fasa endemik, selain implikasi ekonomi dunia akibat krisis Rusia-Ukraine.

Rafidah yang juga bekas Timbalan Menteri Kewangan menegaskan kerajaan agar memben penekanan lanjut terhadap isu sekuriti makanan dan ubat-ubatan dan tidak mengambil sikap 'sudah tertantuk baru hendak tergendak'.

Stok penimbunan makanan perlu minimum 65 peratus



Rafidah mengesahkan kerajaan memastikan stok penimbunan bekalan sekuriti makanan negara seperti beras dan ayam mesti merangkumi minimum 65 peratus daripada penggunaan rakyat.

Selain itu, beliau meminta kerajaan mewujudkan sistem pengurusan krisis negara yang efisien dengan agenda memastikan stok penimbunan bekalan sekuriti makanan dan ubat-ubatan mencukupi wajar menjadi keutamaan.

"Agenda ini sepatutnya menjadi keutamaan negara kerana semua negara luar kini menumpukan sepenuhnya usaha dan perancangan ke arah itu. Janglah kita buat tidak tahu dan beri jawapan bersifat 'feel good factor' sahaja kepada rakyat.

"Kerajaan kena akui negara

berdepan krisis sekuriti makanan kerana masalah ini turut melibatkan negara-negara lain di seluruh dunia. Yang penting apa solusi kita terhadap krisis berkenaan?"

"Inisiatif memperkukuhkan sistem pengurusan krisis perlu dipecah-pecahkan mengikut keutamaan rakyat. Kerajaan perlu tahu apa yang harus didahulukan semasa krisis berlangsung.

"Kalau isu sekuriti makanan menjadi keutamaan, kena fokus selesaikan itu dahulu. Kemudian tengok pula isu pendidikan agar masa depan generasi muda tidak terjejas," tegasnya lagi.



90,000 nelayan ditindas

Oleh MAISARAH SHEKH RAHIM
maisarah.rahim@medamula.com.my

PUTRAJAYA: Kira-kira 90,000 nelayan kecil tempatan di seluruh negara mengeluh ekoran nasib mereka tidak berubah sejak sekian lama dan mendakwa ditindas pemain industri gergasi dalam sektor perikanan.

Nelayan-nelayan kecil dengan 70,000 membabitkan nelayan Melayu itu mendakwa hasil laut mereka terpaksa dijual kepada orang tengah yang turut memiliki bot besar dengan harga rendah kerana mereka 'tiada akses' memasarkan hasil laut kepada pemborong.

Penguasaan orang tengah yang sudah lama telah membentuk rangkaian menyebabkan mereka yang menentukan harga ikan di pasaran sehingga ikan rakyat seperti pelaling dan kembong dijual lebih RM12 sekilogram dengan hanya menjadikan cuaca sebagai alasan.

Bersambung di muka 2

Survival tukang kasut

BIARPUN kes Covid-19 belum berakhir dan kini terpaksa pula berhadapan dengan kenaikan harga barangan, namun, bagi Muslim Yahya, 57, dia tetap kasut para pelanggan sebagai sumber rezekinya di tepi jalan berhampiran bulatan Jubli Emas, Kangar, Perlis, semalam. - UTUSAN/MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB (Berita di muka 30)



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/6/2022	UTUSAN MALAYSIA	MUKA DEPAN	2

90,000 nelayan ditindas

Dari muka 1

Menurut sumber kepada *Utusan Malaysia*, masalah logistik dan pengedaran yang tidak mampu dibangunkan nelayan kecil menyebabkan orang tengah yang turut memiliki bot-bot besar mengambil kesempatan ke atas nelayan-nelayan kecil.

Kata sumber, masalah monopoli sehingga menindas nelayan kecil sudah berlaku bertahun-tahun sehingga orang tengah dalam industri ikan negara menjadi kebal.

“Orang kita (nelayan kecil) tidak ada akses kepada pasaran, banyak jeti dikawal oleh orang tengah. Setiap jeti ada ‘kepala’ yang akan membekalkan kepada pemborong. Di peringkat pemborong pun ada kepala dia.

“Setiap jenis hasil laut pun ada yang mengawalinya. Ikan, udang, sotong, ketam misalnya setiap satu ada kepala. Kumpulan nelayan tidak dibenarkan masuk pasaran dan tidak dibenarkan berkembang besar,” katanya di sini semalam.

Sumber berkata, kewujudan kartel-kartel ini menyebabkan harga ikan dan hasil laut melonjak di pasaran, namun peningkatan harga itu ‘diwayangkan’ atas alasan cuaca yang menyebabkan nelayan tidak boleh turun ke laut sekali gus bekalan kurang.

Bayangkan, harga ikan Pelaling atau Kembong yang merupakan ikan rakyat boleh mencecah berbelas-belas ringgit sekilogram ketika ini sedangkan pemborong membeli murah dua kali ganda daripada nelayan.



MASALAH monopoli sehingga menindas nelayan kecil sudah berlaku bertahun-tahun sehingga orang tengah dalam industri ikan negara menjadi kebal.

Beliau berkata, kerajaan amat sukar untuk membanteras orang tengah kerana agensi-agensi yang bertanggungjawab telah ‘ditidurkan’ oleh kartel-kartel ini.

Justeru, katanya, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Jabatan Perikanan Malaysia tidak boleh berdiam diri atau mengambil sikap tidak peduli untuk membela nasib nelayan termasuk menghapuskan birokrasi dalam pemberian lesen.

Sebagai contoh, keadaan itu diakui sendiri kira-kira 50 nelayan pantai berpangkalan di Telok Nipah, Pantai Merdeka, Kota Kuala Muda, Kedah sebagaimana dilaporkan *Utusan Malaysia* sebelum ini yang terpaksa mengambil risiko turun ke laut tanpa lesen lebih 10 tahun lalu walaupun mereka telah pun berbuat demikian.

Ketiadaan lesen menyebabkan mereka tidak boleh mene-

rima Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) dan peruntukan subsidi minyak petrol yang boleh digunakan semasa tidak boleh ke laut pada musim hujan dan ribut atau ketika sakit.

Bayangkan hanya tiga daripada 50 nelayan itu yang mendapat lesen dan ia sudah tentu menimbulkan banyak persoalan tentang sikap dwi standard dan layanan berstatus kayangan kepada pihak-pihak tertentu.

“Ini semua berkaitan pemin-dahan harga (*transfer pricing*), setiap rantai dikawal, nelayan akan terus teraniaya dan pengguna pula menjadi mangsa peningkatan harga barang.

“Jika setiap agensi bertanggungjawab, situasi ini tidak akan berlaku. Kartel-kartel ini semakin besar kepala kerana tidak ada siapa berani sentuh mereka apatah lagi mereka dilindungi untuk terus melakukan kegiatan ini,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/6/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32

Rumput napier tambah pendapatan

Oleh MOHD RIFAAT ABD HAMID
utusannews@mediamulla.com.my

JITRA: Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.

Seorang pemuda yang tidak mampu untuk menanggung kos kenaikan harga dedak, berusaha meningkatkan pengeluaran rumput napier di ladang miliknya sehingga berjaya meraih pula pendapatan tambahan setelah membekalkan makanan ternakan itu kepada penternak lain.

Mohd. Ismail Abd. Ghani, 27, dari Kampung Lahar Malau berkata, tanaman rumput napier jenis pacion itu pada mulanya diusahakan seluas dua hektar untuk kegunaan lembu peliharaannya sejak Mac lalu.

Namun, katanya, setelah semakin mendapat permintaan penternak lain termasuk dari Perlis dan seluruh negeri ini, dia kini berupaya menjadikan pula tanaman itu sebagai sumber utama pendapatan yang mencecah sehingga lima angka.

"Ramai penternak mula membuat permintaan pada setiap hari tetapi saya terpaksa menolak kerana tidak mampu membekalkannya.

"Mereka berpuas hati dengan rumput napier apatah kaya dengan protein. Oleh itu tidak hairanlah ramai penternak sanggup datang ke sini untuk membelinya," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Bagi memudahkan pelanggan,



MOHD. Ismail Abd. Ghani (kanan) bersama pekerjaanya memotong rumput napier selepas mendapat pesanan daripada pelanggan yang menternak haiwan ruminan di Kampung Lahar Malau, Jitra, semalam.
- UTUSAN/MOHD RIFAAT ABD HAMID.

dia menjual rumput napier tanpa dipotong pada harga 25 sen setiap kilogram (kg), rumput segar pula pada harga 32 sen dan silaj 35 sen untuk 1 kg.

"Pada awalnya saya menghadapi dugaan paling besar apabila keseluruhan tanaman rumput ini musnah akibat serangan babi dan kera. "Kini seluruh kawasan tanaman rumput napier saya sukar di-

bolosi oleh babi dan kera selepas memasang pagar. Ini secara tidak langsung memberi pengajaran dan pengalaman bagi meneruskan tanaman ini yang mampu menjana pendapatan lumayan pada masa akan datang," katanya.

Permintaan sehingga 200 tan setiap bulan membangkitkan lagi semangat Mohd. Ismail untuk meluaskan lagi tanaman itu.



UBI gadong mempunyai beberapa keistimewaan seperti kandungan kanji yang tinggi serta kandungan gluten rendah berbanding tepung gandum.

Ubi gadong ganti tepung gandum

SAUDARA PENGARANG,

GANDUM adalah salah satu tanaman bijirin tertua yang menyumbang kepada salah satu komoditi utama bagi sumber bekalan makanan dunia.

Tanaman ini kaya dengan kandungan karbohidrat dan menjadi makanan ruji bagi sesetengah negara terutama negara membangun.

Pada 2020, Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu merekodkan jumlah pengeluaran gandum dunia sebanyak 776.6 juta tan metrik.

Jumlah ini dijangka akan meningkat kepada 790 juta tan metrik pada 2022. Peningkatan pengeluaran ini adalah sejajar dengan penggunaan gandum dunia yang dijangka mencapai 798.63 juta tan metrik pada 2022.

Pada 2015, Malaysia mengimport sebanyak 1.4 juta tan metrik gandum dan jumlah ini meningkat kepada 1.8 juta tan metrik pada 2020.

Krisis Russia dan Ukraine serta tindakan India menghentikan eksport gandum ke pasaran dunia boleh memberi kesan kepada pasaran tempatan.

Bagaimanapun, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menyatakan perkara itu tidak menjejaskan bekalan negara kerana kita mengimport 80 peratus gandum dari

Australia.

Dalam pada itu, ubi gadong yang merupakan sejenis tumbuhan liar yang boleh didapati dengan banyaknya di negara tropika dan subtropika, termasuk Malaysia boleh dijadikan bahan alternatif.

Ia boleh digunakan bagi menggantikan tepung gandum dalam menghasilkan kepelbagaian produk makanan dan bakeri konvensional.

Selain kandungan karbohidrat yang mampu mencapai 80 peratus daripada berat keseluruhan, ciri fisiologinya adalah mampu bertahan dalam cuaca tidak menentu.

Ini menyebabkan tumbuhan berkenaan sering mendapat permintaan tinggi daripada komuniti luar bandar di Pantai Timur pada musim tengkujuh.

Kandungan rendah gluten sesuai diambil oleh mereka yang mempunyai alahan terhadap gandum dan penyakit ketidakselesaan pencernaan serta kerosakan tisu di usus kecil.

Kandungan serat ubi gadong boleh membantu melancarkan sistem penghadaman, memperbaiki penyakit kardiovaskular dan menurunkan paras kolesterol serta obesiti.

**PROFESOR MADYA DR. AHMAD FAIZAL
ABDULL RAZIS & DR. ZUBAIDAH AIMI ABDUL
HAMID**

Institut Biosains
Universiti Putra Malaysia (UPM)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/6/2022	HARIAN METRO	ONLINE	

PM buat tinjauan mengejut harga barang [METROTV]

Kuala Lumpur: Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob hari ini melakukan tinjauan mengejut buat pertama kali berkaitan situasi harga barangan di sebuah pasar raya di ibu negara.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, Ismail Sabri berkata beliau tidak menafikan terdapat kenaikan harga ayam dan barangan mentah lain sebelum tarikh kuat kuasa penamatan subsidi bagi produk terbabit.

"Ayam misalnya, kita masih beri subsidi hari ini sampai 30 Jun. Saya tidak faham kenapa pemborong jual pada harga RM8.90. Sebelum 30 Jun, masih lagi harga yang disubsidi kerajaan, tidak sepatutnya sampai RM8.90 daripada pemborong kepada peruncit.

"... sepatutnya (harga ayam daripada pemborong) perlu lebih rendah sebab peruncit juga perlu mengambil keuntungan," katanya di Quill City Mall di sini.

Perdana Menteri juga berkata beliau akan melakukan lebih banyak tinjauan sama selepas ini bagi memastikan tiada pencatutan harga barang oleh peniaga sebelum tarikh penamatan subsidi ayam dan beberapa barangan lain pada 1 Julai.

Ismail Sabri juga memaklumkan bahawa beliau akan mengadakan mesyuarat khas dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) esok berhubung isu bekalan serta harga siling baharu ayam di pasaran.



Perdana Menteri berkata pada mesyuarat itu, beliau akan memaklumkan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee bahawa harga barangan tidak seperti yang diumumkan sebelum ini termasuk kenaikan beberapa produk lain seperti ikan.

"Saya harap MAFI boleh ambil tindakan dan KPDNHEP juga boleh mengenakan tindakan tegas kalau ada pencatutan yang melampau," katanya.

Ketika tinjauan itu, beliau turut meluangkan masa mendengar suara dan keluhan rakyat yang membeli-belah di pasar raya itu.

Katanya rata-rata rakyat yang ditemui mengadu mengenai kenaikan harga barangan ketika ini.

27 JUN, 2022

Mak Ton idam tembusi pasaran global

Kosmo, Malaysia

Page 1 of 2

Fasa peralihan ke endemik bantu lebar sayap perniagaan, perkenal produk baharu

Mak Ton idam tembusi pasaran global

PLATFORM
PKS

Oleh ISWAN SHAFIQ ISA

SEBERANG PERAI - Nekad berhenti kerja dalam tempoh 24 jam demi memulakan perniagaan sendiri.

Itu antara keputusan paling penting yang diambil oleh Noor Hafizah Idris, 39, dalam hidupnya kira-kira empat tahun lalu.

Berbekalkan sedikit ilmu bisnes, pengalaman berniaga bersama ibunya sejak kecil dan keazaman tinggi, anak bongsu daripada tiga beradik itu membaratkan diri untuk mencuba sesuatu yang baharu.

Dia memilih untuk mengomersial serta mengetengahkan produk makanan tradisional, iaitu sambal ikan bilis garing ke dalam pasaran.

Meskipun terpaksa melalui tempoh dua tahun yang memritkan gara-gara pandemik ketika usia perniagaannya baharu mececah setahun jagung, wanita itu kini sudah boleh terseenyum semula.

Bisnesnya semakin membuahkan hasil dari tahun ke tahun dan perkembangan itu membolehkan Noor Hafizah menyusun strategi baharu untuk memastikan syarikatnya, Mak Ton Food Resources (Mak Ton) yang dinamakan sempena nama ibunya terus melebarkan sayap hingga ke peringkat tertinggi.

Ujar Noor Hafizah, syarikatnya turut menghasilkan produk sampingan lain termasuk bawang dan peria goreng serta rempeyek bagi menampung permintaan khususnya di peringkat domestik.

"Alhamdulillah, era peralihan ke endemik ini memberi peluang kepada kami membuat lonjakan baharu.

"Jika era pandemik kami lebih banyak menjalankan perniagaan secara online sahaja, maka tempoh endemik inilah peluang untuk kami kembali 'bersiaran' secara offline pula.

"Bagi peniaga produk makanan seperti saya, peluang untuk mempromosi dan memasarkan produk secara fizikal atau bersemuka jauh lebih baik untuk meyakinkan pelanggan mencuba produk kami," katanya kepada Kosmo! baru-baru ini.

Kata Noor Hafizah, pihaknya akan mengeluarkan produk kopi guarana tidak lama lagi, yang akan dijual bersama set berpan-



PRODUK sambal ikan bilis garing keluaran Mak Ton pernah dipasarkan hingga ke Singapura sebelum pandemik Covid-19 melanda negara, dua tahun lepas.



PELBACAI jenis produk keluaran Mak Ton.

jang khas Mak Ton, yang turut mengandungi sambal ikan bilis garing atau ikan talang.

"Insya-Allah, produk kami su-

dah hampir 90 peratus ke arah mendapatkan pensijilan halal dan Skim Pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI).



MESKIPUN agak terkesan sepanjang pandemik Covid-19, Noor Hafizah berjaya memanfaatkan sepenuhnya platform perniagaan dalam talian untuk memasarkan produk.

"Jika segala-galanya berjalan seperti yang diadualkan dan pensijilan berjaya diperolehi tahun ini, kami akan berusaha menembusi pasaran global selepas ini," kata pemegang diploma dalam bidang Sistem Maklumat itu yang pernah bekerja dalam sektor hartanah, perbankan serta perkilangan.

Jelas Noor Hafizah, pasaran Singapura, Brunei dan Kalimantan, Indonesia dilihat sebagai prospek pasaran jangka panjang.

"Dari segi pengeluaran, kami tidak lagi menunggu tempahan daripada pelanggan.

"Akan ada lebihan dalam setiap pengeluaran, jadi stok sentiasa ada," tambahnya yang me-

raih anugerah Johan Agrobazaar Online peringkat negeri Pulau Pinang selama dua tahun berturut-turut iaitu pada 2018 dan 2019.

Sambal ikan bilis garing dan pelbagai produk lain keluaran Mak Ton boleh didapati di K-Shoppe, iaitu rangkaian kedai Agrobazaar milik Lembaga Pem pasaran Pertanian Persekutuan dan kedai-kedai terpilih, selain menerusi Shopee atau laman media sosial termasuk Facebook dan TikTok.

Selain makanan, satu-satunya produk minuman yang dihasilkan syarikat ialah Teh Tarik Pak Deris yang dinamakan sempena nama bapa Noor Hafizah sendiri.

27 JUN, 2022

Mak Ton idam tembusi pasaran global

Kosmo, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Fasa peralihan ke endemik bantu lebar sayap perniagaan, perkenal produk baharu

SEBERANG PERAI - Nekad berhenti kerja dalam tempoh 24 jam demi memulakan perniagaan sendiri. Itu antara keputusan paling penting yang diambil oleh Noor Hafizah Idris, 39, dalam hidupnya kira-kira empat tahun lalu. Berbekalkan sedikit ilmu bisnes, pengalaman berniaga bersama ibunya sejak kecil dan keazaman tinggi, anak bongsu daripada tiga beradik itu memberanikan diri untuk mencuba sesuatu yang baharu.